

m

W

PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUABELAS 2011

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI SELASA: 25 OKTOBER 2011

CAWANGAN
PERUNDANGAN
PARLIMEN
MALAYSIA.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA

BELAS TAHUN 2011

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI ABDUL WAHAB BIN
HAJI DOLAH
(IGAN)**

TARIKH : 25.10.2011

SOALAN : 1

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan atas masalah kekerapan putusnya bekalan air bersih di kampung-kampung sekitar Pekan Matu dan Pekan Daro, di mana menurut pihak yang tertentu puncanya ialah loji air bersih sedia ada tidak lagi dapat menampung permintaan penduduk yang kian bertambah.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk, Kementerian ini mengambil maklum tentang masalah yang dihadapi oleh penduduk di kawasan Matu dan Daro. Bagi mengatasi masalah tersebut, Kementerian sedang membina sebuah loji rawatan air iaitu Loji Rawatan Air Matu/Daro yang bernilai RM79.00 juta dan dijangka siap pada Disember 2012.

NO. SOALAN: 2.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA YB DATO' LILAH BIN YASIN [JEMPOL]

TARIKH 25 OKTOBER 2011 (SELASA)

SOALAN

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) berapakah kutipan zakat seluruh negara pada tahun 2010; dan
- (b) berapa bilangan fakir miskin yang layak menerima zakat seluruh negara pada tahun 2010.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, mengikut Jadual 9 Senarai II (1), Perlembagaan Persekutuan, Hal Ehwal Agama Islam termasuklah kutipan dan agihan zakat adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri yang dikendalikan oleh Majlis Agama Islam (MAIN) masing-masing. Maklumat mengenainya bolehlah merujuk kepada Majlis Agama

Islam masing-masing. Bagi Wilayah Persekutuan, jumlah kutipan zakat bagi tahun 2010 adalah berjumlah RM 282.68 juta

NO. SOALAN : 3

(b) Mengenai bilangan fakir miskin yang layak menerima zakat bagi Wilayah Persekutuan bagi tahun 2010 ialah:

- fakir - 22,315 orang ; dan
- miskin - 25,307 orang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH]

TARIKH 25 OKTOBER 2011

RUJUKAN 4129

SOALAN:

Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah saman trafik yang telah dikeluarkan oleh polis trafik setiap bulan dari bulan Januari hingga Oktober 2011 dan jumlah kompaun yang telah dikutip dalam tempoh yang sama.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Rasah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) mengeluarkan dua (2) jenis saman kepada pemandu-pemandu yang menyalahi undang-undang lalulintas iaitu:-

- i) Notis Saman POL 170A - notis pemberitahuan kesalahan lalulintas yang tidak diisu secara terus kepada pemandu ketika kesalahan dilakukan khususnya bagi kesalahan yang dirakam melalui kamera kerana menyalahi isyarat dan kesalahan lalulintas seperti meletak kenderaan di tempat yang dilarang, memandu melebihi had laju dan melanggar isyarat lampu merah.
- ii) Saman POL 257 - saman yang dikeluarkan dan diserahkan serta-merta atau secara bersemuka kepada pemandu kenderaan yang melakukan kesalahan ketika itu. Orang Kena Saman (OKS) diperintah hadir ke mahkamah bagi menjawab pertuduhan dan boleh membayar kompaun sekiranya tidak mahu ke mahkamah.

Jumlah kutipan saman trafik yang telah dikeluarkan melalui Notis Saman POL 170A dan POL 257 bagi tempoh Januari hingga September 2011 adalah sebanyak 3,572,531 saman. Daripada

Tuan Yang di-Pertua,

jumlah tersebut sebanyak 442,099 saman dikeluarkan pada bulan Januari, bulan Februari sebanyak 393,601 saman, bulan Mac sebanyak 403,412 saman, bulan April sebanyak 417,100 saman, bulan Mei sebanyak 435,300 saman, bulan Jun sebanyak 413,604 saman, bulan Julai sebanyak 428,858 saman, bulan Ogos sebanyak 422,758 saman dan bulan September sebanyak 215,799 saman dikeluarkan.

Bagi jumlah kutipan kompaun yang dikutip daripada jumlah saman yang dikeluarkan dalam tempoh yang sama pula adalah sebanyak RM132,938,369.00. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM23,557,125 berjaya dikutip pada bulan Januari, bulan Februari sebanyak RM16,728,750, bulan Mac sebanyak RM17,716,220, bulan April sebanyak RM16,785,515, bulan Mei sebanyak RM17,900,310, bulan Jun sebanyak RM16,304,969, bulan Julai sebanyak RM12,867,190, bulan Ogos sebanyak RM8,632,940 dan bulan September sebanyak RM2,445,350 kompaun berjaya dikutip.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN

LISA
N

DARIPADA

DATUK WIRA AHMAD HAJI HAMZAH

KAWASAN

JASI
N 25.10.2011
(SELASA)

NO. SOALAN

4

Y.B. DATUK WIRA AHMAD HAJI HAMZAH minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan impak penamatan dasar pemberian AP kepada pengusaha Bumiputera ke atas perniagaan dan pekerja mereka serta impak ke atas usaha merapatkan jurang kekayaan antara kaum di bawah Model Ekonomi Baru.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Di bawah kajian semula Dasar Automotif Nasional, sistem AP Terbuka akan dimansuhkan pada 31 Disember 2015. Justeru, Kerajaan dalam usaha membantu mengurangkan impak ke atas perniagaan dan pekerja syarikat-syarikat pemegang AP Terbuka ini telah menubuhkan Dana Automotif Bumiputera. Dana ini bertujuan membantu syarikat-syarikat pemegang AP Terbuka untuk

memperluas dan mempelbagai perniagaan berkaitan industri automotif yang lain seperti menjadi pengedar atau wakil jualan bagi pemegang francais, sektor perkhidmatan berkaitan automotif dan juga pengeluaran komponen dan alat ganti kenderaan.

Di bawah kajian semula Dasar Automotif Nasional, Kerajaan juga telah membenarkan pengeluaran Lesen Pengilang baru bagi segmen automotif terpilih seperti pemasangan kenderaan hibrid dan elektrik yang dikenalpasti sebagai strategik dan berimpak tinggi kepada ekonomi negara. Pelbagai insentif juga disediakan bagi aktiviti pengilangan komponen yang menyokong pengeluaran kenderaan-kenderaan tersebut. Melalui inisiatif ini, Kerajaan berharap syarikat-syarikat pemegang AP Terbuka mengambil peluang dan beralih daripada hanya terlibat dalam aktiviti pengedaran kepada aktiviti pengilangan yang lebih bernilai tambah tinggi.

Di samping itu, Kerajaan juga telah menubuhkan *Malaysia Automotive Institute* (MAI), iaitu agensi di bawah MITI yang bertanggungjawab bagi membantu dan mengukuhkan pembangunan industri automotif tempatan. MAI berfungsi sebagai penyelaras bagi semua perkara berkaitan industri automotif, termasuk aktiviti pembangunan modal insan dan pembangunan usahawan Bumiputera dalam bidang automotif.

Melalui inisiatif-inisiatif ini, Kerajaan yakin penglibatan berterusan pengusaha Bumiputera dalam industri automotif negara akan dapat dikekalkan di samping turut meningkatkan keupayaan serta pendapatan mereka selaras dengan wawasan negara untuk

mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi seperti yang digariskan di bawah Model Ekonomi Baru.

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS

TAHUN 2011 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

MALAYSIA

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI

(BATANG SADONG)

TARIKH

25 OKTOBER 2011

SOALAN

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan status terkini mengenai peratusan pencapaian bekalan elektrik dan air bersih di kawasan luar bandar negeri Sarawak sehingga hari ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga Disember 2010, liputan bekalan elektrik di negeri Sarawak telah mencapai 71% dan Kementerian mengunjurkan bahawa liputan ini akan meningkat kepada 87% pada akhir tahun 2011 apabila projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) tahun 2011 siap sepenuhnya pada bulan Disember 2011.

SOALAN:5

Bagi liputan bekalan air bersih pula, sehingga Disember 2010, liputan bekalan air di negeri Sarawak adalah sebanyak 64% dan dijangka akan mencapai 79% pada penghujung tahun 2011.

Soalan No :

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DARIPADA	LISAN Y.B. DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ (SRI GADING)
TARIKH	25.10.2011

SOALAN:

Y.B. DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ [SRI GADING] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan pada tahun 2010 dan 2011.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat dan memberi perhatian yang sewajarnya kepada setiap permasalahan pendidikan tanpa mengira jenis sekolah. Hasrat Kerajaan adalah memastikan semua sekolah mempunyai kemudahan yang kondusif bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkualiti. Oleh itu, KPM berusaha untuk menyediakan peruntukan secukupnya bagi membantu menaik semua sekolah-sekolah di negara ini termasuklah Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan.

Sehubungan itu, pada tahun 2010 Kerajaan telah menyediakan peruntukan belanja mengurus sebanyak RM5.6 bilion untuk sekolah jenis kebangsaan manakala untuk tahun 2011 peruntukan yang disediakan adalah sebanyak RM7.7 billion

NO. SOALAN

PERTANYAAN LISAN
DARI PADA TUAN KAMALANATHAN A/L
PANCHANATHAN [HULU SELANGOR] TARikh
25.10.2011(SELASA)

TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN [HULU SELANGOR] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan :-

- (a) tindakan-tindakan yang telah diambil untuk mengawal harga barang-barang keperluan dan komoditi; dan
 - (b) bagaimana penguatkuasaan dijalankan untuk memantau harga barang-barang keperluan ini di Hypermarket, Supermarket, Kedai-Kedai Runcit, pasar malam dan lain-lain tempat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian sentiasa menjalankan pemeriksaan ke atas premis yang berkenaan bagi memantau bekalan dan harga barang-barang tersebut serta memastikan

pihak industri memberi kerjasama dan mematuhi harga yang ditetapkan oleh Kerajaan melalui :

- i. Penetapkan harga runcit secara pentadbiran keatas barang kawalan tertentu yang digazetkan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 iaitu tepung gandum kegunaan am, minyak masak sawit, gas petroleum cecair, diesel dan petrol RON95. Kementerian sentiasa menjalankan pemeriksaan ke atas premis yang berkenaan bagi memantau bekalan dan harga barang-barang tersebut serta memastikan pihak industri memberi kerjasama dan mematuhi harga yang ditentukan;
- ii. Penetapkan harga maksimum borong dan runcit bagi gula pasir putih bertapis halus dan kasar serta topeng muka (pembedahan/perubatan) secara undang-undang di bawah Akta Kawalan Harga 1946. Tindakan undang-undang boleh diambil ke atas mana-mana peniaga yang menjual melebihi harga maksimum yang diwartakan di bawah Akta;
- iii. Pelaksanaan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP) pada musim-musim perayaan utama. Di bawah skim ini, barang keperluan yang terlibat akan diwartakan sebagai barang harga terkawal dan harga maksimum ditetapkan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2010. Skim tersebut merupakan salah satu kaedah bagi merealisasikan hasrat Kerajaan untuk memastikan pengguna memperolehi barang-barang keperluan pada harga yang stabil sepanjang musim perayaan dan menyekat kenaikan harga yang tidak munasabah dalam menangani isu mencatut semasa permintaan tinggi di musim perayaan.
- iv. mewajibkan peniaga runcit meletakkan tanda harga ke atas barang yang dipamerkan untuk jualan atau mempamerkan senarai harga di bawah Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993. Dengan ini, pengguna boleh mendapat maklumat harga serta membuat perbandingan harga

sebelum membeli sesuatu barang. Penandaan harga ini memberi peluang kepada pengguna membuat pilihan untuk membeli barang pada harga yang lebih rendah dan berpatutan;

- v. Menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 mulai 1 April 2011 bagi menggantikan Akta Kawalan Harga 1946. Akta ini bertujuan menangani kenaikan harga secara tidak munasabah dan mencegah amalan pencatutan. Akta ini mengadakan peruntukan yang membolehkan Kerajaan mengambil tindakan terus terhadap pengeluar dan peniaga yang melakukan perbuatan mengambil keuntungan yang berlebihan; dan
- vi. Penubuhan Jawatankuasa Kabinet Bekalan dan Harga yang dipengerusikan oleh Y.A.B Timbalan Perdana Menteri dan keahlian terdiri daripada pelbagai kementerian dan agensi untuk mengambil tindakan bersepaktu bagi menangani masalah bekalan dan kenaikan harga yang tidak munasabah.

Selain itu juga, pengguna juga boleh menjadi mata dan telinga Kementerian dengan membuat aduan sekiranya kenaikan harga barang yang tidak sewajarnya melalui emel, e-aduan, portal pengguna, talian bebas tol dan sebagainya.

**MAKLUMBALAS KEPADA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN
[LIPIS]**

TARIKH 25 OKTOBER 2011

SOALAN

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta ~~SOALAN NO. 8~~
KESIHATAN menyatakan usaha Kementerian bagi menggantikan peralatan perubatan yang usang di semua hospital Kerajaan seluruh negara, berikutan jumlah pesakit yang semakin meningkat sekarang dan penyakit moden yang semakin kompleks.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa menaiktaraf kemudahan fizikal dan peralatan hospital kerajaan di seluruh Negara secara berkala dari semasa ke semasa.

Jumlah peruntukan yang telah diluluskan di bawah Bajet Pembangunan bagi menggantikan dan menaiktaraf peralatan-peralatan perubatan yang telah rosak atau usang serta pembelian baru di fasiliti-fasiliti kesihatan seperti hospital dan klinik diseluruh negara adalah RM204.5 juta bagi tahun 2009 dan RM508.5 juta bagi tahun 2010.

Di bawah *Rolling Plan 1* RMK-10 (2011 - 2012) pula peruntukan sebanyak RM250 juta telah disediakan oleh Kementerian untuk tujuan pembelian peralatan perubatan baru serta penggantian atau naiktaraf peralatan perubatan yang telah rosak atau usang.

Khusus bagi Hospital Kuala Lipis sebanyak RM483.082.90 telah diperuntukkan untuk menaiktaraf peralatan sedia ada dibawah Pakej Ransangan Ekonomi tahun 2009 - 2010. Manakala pembinaan Bangunan Tambahan 6 tingkat Hospital Kuala Lipis dengan kos RM97.7 juta dan peralatan bernilai RM20 juta telah pun siap dibina pada bulan Ogos 2011.

SOALAN NO:

**PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH
SOALAN**

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAB LISAN

Dato' Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]

25 Oktober 2011 (Selasa)

**Dato' Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

menyatakan tindakan yang diambil oleh Kementerian atau jabatan - jabatan berkaitan supaya produk pertanian dan perikanan bebas dari racun perosak dan bahan pengawet sebelum dijual kepada pengguna.

JAWAPAN OLEH: Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS

TANI Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui jabatan dan agensi di bawahnya sentiasa mengambil tindakan bagi memastikan produk - produk pertanian bebas dari racun perosak dan bahan pengawet sebelum dijual kepada pengguna.

Antara langkah yang diambil adalah seperti:

1. Program Pemantauan Residu Racun Perosak ke atas sampel berbagai-bagai jenis sayur-sayuran, hasil perikanan di ladang penternakan, ikan dan hasil ikan yang didararkan di jeti pendaratan dan kawasan penternakan kerang - kerangan.

Di bawah bantuan kerajaan kepada industri padi, Kementerian telah mengambil langkah dengan memastikan semua racun perosak mematuhi Akta Racun Makhluk Perosak yang dikawal dan diseliakan oleh Jabatan Pertanian.

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia juga ada menjalankan pemantauan secara berkala ke atas semua produk makanan termasuk hasil pertanian agar bebas dari racun perosak, bahan pengawet dan bahan-bahan kontaminan yang lain yang boleh membahayakan kesihatan pengguna.

Melaksanakan Program Latihan Penggunaan Racun Perosak Kepada Golongan Sasar secara praktikal dan teori mengenai langkah keselamatan dan pengendalian racun perosak secara berhemah serta mengikut syor-syor penggunaan yang terdapat pada label racun perosak.

Melaksanakan Program-Program Khas dalam usaha menggalakkan petani mengamalkan Amalan Pertanian Baik (APB) atau *Good Agriculture Practices* (GAP) untuk memastikan pengeluaran hasil pertanian berkualiti dan selamat dimakan.

Kawalan secara perundangan melalui pelaksanaan Akta Racun Perosak 1974 untuk memastikan racun - racun yang berkualiti, berkesan dan tidak mendatangkan kesan negatif kepada pengguna, haiwan, organisma bukan sasar dan alam sekitar sahaja yang didaftarkan dan dibenarkan penggunaannya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARI PADA

DATUK DR. MARCUS MOJIGOH

[PUTATAN]

TARIKH

25 OKTOBER 2011 (SELASA)

NO. SOALAN : 11

SOALAN

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta PERDANA MENTERI menyatakan

- (a) langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh rakyat dari negeri Sabah dan Sarawak, yang terpaksa berurusan di Putrajaya (Kuala Lumpur); dan
- (b) adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menubuhkan ‘*2nd capital*’ di mana-mana negeri yang dimaksudkan di atas bagi mengatasi masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan terutamanya di dalam urusan Kerajaan yang melibatkan orang awam. Selari dengan perkembangan ICT pada masa ini, Kerajaan telah menyediakan pelbagai perkhidmatan *online* yang boleh dicapai dengan mudah oleh orang awam dari mana sahaja sepanjang masa termasuklah perkhidmatan-perkhidmatan yang berpusat di Putrajaya. Di antara inisiatif ICT Kerajaan yang disediakan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada orang awam di seluruh negara ialah Portal myGovernment (www.malaysia.gov.my). Portal ini merupakan gerbang utama berdasarkan konsep pusat setempat untuk memudahkan orang awam mencapai maklumat dan menggunakan perkhidmatan *online* yang disediakan oleh agensi di peringkat Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Sehingga kini, portal ini menyediakan capaian kepada lebih daripada 1,200 laman web serta portal agensi Kerajaan dan sebanyak 1,277 perkhidmatan *online* boleh diakses melalui portal ini yang terdiri daripada perkhidmatan pertanyaan (*enquiry*), pembayaran dan permohonan. Tambahan, sebanyak 3,067 borang juga boleh dimuat turun melalui Portal myGovernment.

Selain itu Kerajaan juga telah melaksanakan sistem gerbang SMS Kerajaan (mySMS 15888). Pelaksanaan inisiatif ini adalah adalah berteraskan kepada prinsip *one government many agencies* dan disasarkan kepada orang ramai serta masyarakat perniagaan. Aplikasi ini bersifat mesra pelanggan kerana

hanya dengan menghantar SMS ke 15888, orang ramai boleh membuat pertanyaan dan aduan kepada pelbagai agensi kerajaan. Sehingga ini, terdapat sebanyak 213 agensi Kerajaan merangkumi 1,845 perkhidmatan telah terlibat dengan aplikasi Gerbang SMS ini. Jumlah pengguna perkhidmatan ini juga telah mencapai sebanyak 4,451,878 dan hits setinggi 15,752,650 pernah dicatatkan.

Projek myGovXchange pula dilaksanakan dengan objektif menyediakan Pusat Setempat Pembayaran Bersepadu (myBayar) dan Gerbang Serahan *Online* (myForms) bagi memudahkan rakyat dan komuniti perniagaan berkomunikasi dan melaksanakan transaksi pelbagai perkhidmatan secara *online* merentasi pelbagai jabatan/agensi Kerajaan dalam hanya satu transaksi mudah. Ia melibatkan dua kategori perkhidmatan iaitu myForms bagi perkhidmatan serahan pelbagai permohonan kepada pelbagai agensi secara elektronik. Manakala, myBayar adalah perkhidmatan pelbagai pembayaran kepada pelbagai agensi secara elektronik. Sebagai contoh, melalui myGovXchange, pelanggan boleh mendapatkan maklumat, membuat permohonan dan menyemak status pembayaran dalam satu transaksi mudah. Sehingga kini, pelaksanaan myGovXchange melibatkan 16 agensi merangkumi 33 perkhidmatan untuk myBayar dan 43 perkhidmatan untuk myForms. Jumlah pengguna berdaftar telah meningkat daripada 249 pada tahun 2010 kepada 596 pada 31 Ogos 2011 (peningkatan sebanyak 139%) dan penggunaannya juga telah meningkat daripada 294 transaksi dalam tahun 2010 kepada 402 transaksi sehingga Ogos 2011 (peningkatan sebanyak 135%)

Dalam usaha menambah baik dan mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada orang awam, Kerajaan juga telah melaksanakan projek jalur lebar berkelajuan tinggi (*High Speed Broadband (HSBB)*) ke seluruh negara yang telah dilancarkan pada tahun 2008. Sehingga 1 Disember 2010, penembusan jalur lebar isi rumah yang dicatatkan adalah sebanyak 54.9% iaitu bersamaan 3.49 juta langganan jalur lebar isi rumah. Pencapaian ini adalah hasil pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program yang dirancang, telah dan sedang giat dilaksanakan di bawah Inisiatif Jalur Lebar Negara (NBI).

Berdasarkan kepada usaha-usaha dan kemudahan-kemudahan di atas Kerajaan berpendapat rakyat Malaysia tidak kira dimana jua mereka berada akan dapat berurus terus dengan pejabat Kerajaan. Selain itu, Kerajaan Persekutuan juga telah menubuhkan cawangan di setiap negeri seluruh Malaysia bagi mendekatkan lagi urusan Kerajaan dengan rakyat. Sehubungan itu, tidak timbul keperluan untuk menubuhkan *2nd capital* dimana-mana negeri di seluruh Malaysia.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 11

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN DEWAN

PERTANYAAN

TARIKH SOALAN

LISAN

TUAN SALLEH BIN KALBI (SILAM)

25 OKTOBER 2011

PEMBERITAHUAN

RAKYAT

DARIPADA

TUAN SALLEH BIN KALBI (SILAM) minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah perancangan strategik Kementerian dalam memastikan agar kebergantungan kepada import beras tidak memberi impak negatif kepada negara sekiranya berlaku sebarang bencana atau perang.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Dalam memastikan pengeluaran padi negara terus meningkat serta kebergantungan terhadap beras import dapat dikurangkan, Kerajaan akan memberikan tumpuan pada peningkatan hasil dan pengurusan komersial penanaman padi di kawasan jelapang dan luar jelapang sedia ada melalui pelaksanaan langkah jangka pendek/sederhana dan jangka panjang seperti berikut:

Langkah Jangka Pendek/Sederhana:

- i) Pengenalan varieti baru seperti MR253, MR263, MR220 CL1 atau MR220 CL2 dan MRQ74;

- ii) Pengurusan input seperti baja, racun dan kapur yang lebih berkesan;
- iii) Penggunaan jentera atau mekanisasi besar/kecil;
- iv) Amalan pertanian baik; dan
- v) Penyelenggaraan dan menaiktaraf infrastruktur pengairan dan saliran.

Langkah jangka panjang bagi meningkatkan produktiviti tanaman padi sehingga tahun 2020 adalah melalui pelaksanaan prog ram-prog ram di bawah *National Key Area (NKEA)* Economic Pertanian iaitu di bawah *Entry Point Project (EPP)* 10 dan EPP 11. Untuk makluman, program-program ini yang bertujuan memperbaiki kaedah pengurusan tanaman padi telahpun dimulakan sejak tahun ini.

Kerajaan juga sentiasa berusaha bagi memastikan negara mampu mencapai tahap sara diri sepenuhnya dalam pengeluaran beras namun tidak menetapkan tempoh yang khusus bagi mencapai sasaran tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan ada merancang untuk mencapai SSL 88% menjelang 2015.

Sekiranya berlaku sebarang krisis yang mungkin memberi kesan terhadap keperluan beras dalam negara, Kementerian akan menggunakan stok penimbang beras yang telah ditetapkan pada tahap 292,000 tan metrik. Stok penimbang tersebut dapat menampung keperluan rakyat selama 45 hari. Namun begitu, jika mengambil kira pegangan stok beras iaitu stok penimbang, stok dagangan BERNAS, stok pengilang, pemborong dan peruncit dalam satu-satu masa, keperluan beras dalam negara dijangka dapat bertahan selama 3 hingga 4 bulan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF 25 OKTOBER
TARIKH 2011 (SELASA)
SOALAN NO.-y*

Tuan Mohd Yusmadi Bin Mohd Yusoff [Parit Buntar] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan jumlah wang CSR (*Corporate Social Responsibility*) yang telah diperoleh oleh Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian bukan merupakan sebuah badan korporat yang diwujudkan berdasarkan keuntungan yang terpaksa memperuntukkan sejumlah wang bagi membantu masyarakat. Oleh itu, Kementerian tidak diperuntukkan secara spesifik untuk maksud CSR (*Corporate Social Responsibility*) memandangkan Peruntukan Pembangunan dan Mengurus yang diterima oleh Kementerian melalui Bajet tahunan yang dibentang di Parlimen sememangnya diperuntukkan untuk rakyat bagi membangunkan sistem pengajian tinggi bertaraf dunia dan seterusnya membantu memenuhi aspirasi negara dalam melahirkan bangsa Malaysia yang berpengetahuan luas dalam era globalisasi, mempunyai sahsiah, akhlak dan rohani yang terpuji untuk menjadi sebuah bangsa yang cemerlang, gemilang dan terbilang sekali gus menyediakan

tenaga kerja yang mahir dan profesional untuk keperluan memacu kemajuan negara selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Kesemua peruntukan Kerajaan ini adalah semata-mata untuk pembangunan dan kemajuan rakyat dan negara.

SOALA

N

In

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI

[KAPIT]

TARIKH

25 QKT2011 (SELASA)

SOALAN

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan kadar penembusan perkhidmatan internet negara ini mengikut turutan wilayah dan negeri yang paling teratas dan diikuti oleh wilayah dan negeri paling terkebawah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat 21 September 2011, kadar penembusan jalur lebar negara mengikut isi rumah ialah 61.2 peratus (61.2%) melepas sasaran 2011 yang ditetapkan iaitu 60 peratus (60%). Kadar penembusan bagi semua negeri di Malaysia mengikut turutan ialah seperti berikut:

SOALAN NO: 15

Bil	Negeri/Wilayah	Kadar Penembusan Isi Rumah (%)
1.	W.P. Kuala Lumpur	106.8
2.	Perlis	84.4
3,	Pulau Pinang	81.9
4,	Negeri Sembilan	74.5
5.	Selangor	73.2
6.	W.P. Labuan	72.5
7.	Melaka	65.4
8.	Johor	58.9
9.	Terengganu	57.4
10.	Kedah	56.0
11.	Perak	51.4
12.	Pahang	48.3
13.	Sarawak	46.5
14.	Kelantan	45.0
15.	Sabah	32.1
	Malaysia	61.2

* Data setakat 21 .September 2011

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN
TARIKH KITINGAN
SOALAN 25 OKTOBER 2011 (SELASA)

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan sama ada Kementerian beliau bercadang untuk membina Kolej Kadazandusun Murut (KDM) yang di cadang di Tambunan. Jika ya, adakah ianya dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan atau berdasarkan *Public Private Partnership*.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kementerian Pengajian Tinggi belum menerima sebarang permohonan untuk menubuhkan Kolej Kadazandusun Murut (KDM) yang di cadangkan di Tambunan, Sabah. Kementerian bersedia membantu untuk menjayakan cadangan penubuhan Kolej tersebut jika menerima permohonan daripada pihak berkenaan. Permohonan akan diproses mengikut prosedur penubuhan kolej dan jika memenuhi kriteria yang ditetapkan, ianya boleh dipertimbangkan jika dibiayai sepenuhnya pihak swasta.

SOALAN NO.:

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN

DARIPADA

LISAN

KAWASAN

Y.B. DATUK SIRINGAN BIN GUBAT RANAU

TARIKH

25 OKTOBER 2011 (SELASA)

SOALAN

Y.B. DATUK SIRINGAN BIN GUBAT [RANAU]

minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan kedudukan terkini projek naik taraf semua peringkat kedua jalan Ranau ke Tambunan. Adakah pelaksanaannya melalui tender terbuka atau terhad dan bilakah pelaksanaan projek ini dapat dimulakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Naiktaraf Jalan Ranau ke Tambunan terbahagi kepada 3 fasa iaitu fasa 1, 2A dan 2B. Fasa 1 melibatkan kerja-kerja menaiktaraf dan membaikpulih jalan sepanjang 13.5 kilometer (KMO - KM13.5) dan siap pembinaan pada 13 September 2007. Fasa 2A pula melibatkan kerja-kerja menaiktaraf dan membaikpulih jalan sepanjang 9 kilometer (KM13.5 - KM22.5) dan siap pembinaan pada 22 Ogos 2010. Manakala fasa 2B telah diluluskan untuk dilaksanakan dalam Tempoh Separuh Pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe- 10) dengan kos projek sebanyak RM180 juta. Skop projek ialah membaikpulih jalan berturap sedia ada dan pemberian serta pengukuhan cerun-cerun di sepanjang jalan Ranau ke Tambunan sepanjang 32.5 kilometer.

Pada masa kini, projek ini dalam peringkat reka bentuk terperinci dan Kementerian ini telah menerima arahan daripada Kementerian Kewangan Malaysia supaya dilaksanakan secara tender terhad pada pertengahan tahun 2012. Kerja-kerja pembinaan dijangka bermula pada akhir tahun 2012 dengan tempoh siap selama 30 bulan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM

[BAYAN BARU]

TARIKH : 25 OKTOBER 2011

SOALAN

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perbezaan '*Standard Operating Procedure*' (SOP) yang diguna pakai di dalam penyiasatan kes-kes jenayah oleh agensi-agensi yang melakukan penyiasatan seperti polis dan SPRM berbeza dengan yang diamalkan oleh negara-negara lain.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan tugas-tugas penyiasatan di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) adalah selaras dengan '*Standard Operating Procedure*' (SOP) yang disediakan mengikut peruntukan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan lain-lain akta yang dikuatkuasakan di Malaysia, yang mana ianya tidak

NO. SOALAN : 19

menyalahi peruntukan undang-undang sedia ada, serta mengambil kira hak semua pihak terlibat dalam siasatan. Manakala bagi agensi penguat kuasa di negara-negara lain pula, SOP yang diguna pakai juga tertakluk dan berpandukan perundangan di negara berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]

TARIKH 25 OKTOBER 2011

RUJUKAN 4132

SOALAN:

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:

- (a) sejauh mana Kerajaan dapat memastikan bayaran melampau tidak dikenakan oleh pengurus yang terlibat dalam Program Pemutihan 6P; dan
- (b) berikan pecahan kos yang dikenakan oleh pengurus kepada pelanggan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Petani yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab pertanyaan (a), untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan telah berjaya melaksanakan proses Pendaftaran bagi Program Penyelesaian Menyeluruh Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) atau Program 6P ini, seterusnya memperoleh rekod statistik keseluruhan bagi pendaftaran PATI dan pekerja asing yang sah di Malaysia. Jumlah keseluruhan rekod pendaftaran bagi program ini adalah sebanyak 2,320,034 orang. Dalam melaksanakan Proses Pendaftaran ini, Kerajaan telah melantik 336 Syarikat Pengurus yang membantu melaksanakan Proses Pendaftaran ini.

NO. SOALAN : 21

Kerajaan sememangnya mengawal dan mengawasi operasi Syarikat Pengurus yang dilantik untuk mengelakkan penipuan dan penyelewengan melalui sesi taklimat yang kerap diadakan dan sesi interaksi bersama Syarikat Pengurus.

Kementerian akan mengeluarkan Surat Tunjuk Sebab (STS) dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya kepada mana-mana Syarikat Pengurus yang didapati mengenakan bayaran berlebihan, melakukan penipuan dan mempunyai pemilik syarikat yang bukan merupakan warganegara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab pertanyaan (b) pula, Caj sebanyak RM35.00 dikenakan kepada Syarikat Pengurus bagi Proses Pendaftaran, manakala tiada bayaran yang dikenakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi proses tersebut.

Caj sebanyak RM300.00 dikenakan oleh Syarikat Pengurus sekiranya PATI menggunakan khidmat syarikat tersebut untuk Proses Pemutihan. Tujuan Kerajaan membenarkan Syarikat Pengurus mengutip bayaran sebanyak RM300.00 untuk Proses Pemutihan adalah merupakan bayaran untuk perkhidmatan seperti mendapatkan dokumen sah daripada Kedutaan/Pesuruhjaya Tinggi, mendapatkan kerja bagi PATI dan penyediaan dokumentasi, menghubungkan/memadankan PATI dengan majikan serta memudahkan urusan berkaitan pembayaran levi.

Di samping itu, caj tersebut juga adalah untuk menampung perbelanjaan tidak langsung meliputi bayaran sewa peralatan, sewa pejabat, kakitangan, utiliti, alat tulis dan lain-lain oleh Syarikat Pengurus.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT

JAWAB LISAN 25 OKTOBER 2011

TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM [KUALA KEDAH]

PERTANYAAN TARIKH DARIPADA SOALAN

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah bilangan teknologi pertanian yang telah dikomersialkan di bawah Rancangan Malaysia Ke 9. Nyatakan berapakah nilai dalam Ringgit Malaysia yang dapat dijana dari pengkomersilan ini.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah RMKe-9, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui MARDI telah menjana hampir 200 penyelidikan dan pembangunan (R&D) berbentuk teknologi yang boleh ditingkatkan sehingga ke tahap komersial. Daripada jumlah tersebut, MARDI telah berjaya mengkomersialkan 25 teknologi melalui pelesenan dan konsultansi.

Di antara teknologi yang telah dikomersialkan adalah berbentuk automasi dan mekanisasi, pengeluaran baja organik, makanan ternakan, pembiakan dan benih baka, pengeluaran varieti baru padi dan pemprosesan makanan.

Nilai yang dapat dijana daripada pengkomersialan teknologi ini adalah dianggarkan sebanyak RM 1.06 bilion setahun yang meliputi aktiviti pelesenan dan konsultansi sebanyak RM44.06 juta setahun, pengkomersialan teknologi untuk kegunaan awam (*public good*) seperti penanaman varieti padi yang telah dibangunkan MARDI dengan nilai pengeluaran hasil padi ini tidak kurang RM500 juta setahun, nilai eksport varieti nanas Josapine dan betik Eksotika dianggarkan RM300 juta setahun dan nilai jualan oleh 200 syarikat IKS yang dibimbang menggunakan teknologi MARDI sebanyak RM217 juta setahun.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
 [LEMBAH PANTAI]**

TARIKH 25 OKTOBER 2011 (SELASA)
SOALAN

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta PERDANA MENTERI menyatakan :

- (a) Perincian model landasan dan harta tanah selaku cara pembiayaan projek MRT; dan
- (b) Senarai tanah-tanah yang akan diambil alih bagi melancarkan model landasan dan harta tanah ini dan jumlah yang dibelanjakan bagi maksud ini.

JAWAPAN: **YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN**
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Model “rel dan harta tanah” adalah satu cara pembiayaan pembangunan keretapi yang telah dilaksanakan dengan berjayanya di beberapa negara seperti Hong Kong dan Singapura. Model “rel dan harta tanah” merangkumi semua pendekatan di mana tanah yang digunakan untuk pembangunan sistem keretapi seperti MRT dapat di optimakan dari segi penggunaan dan nilai dan memberi manfaat yang dapat disalurkan kembali kepada projek untuk mengurangkan ataupun membiayai sepenuhnya kos pembangunan sistem keretapi tersebut. Satu contoh perlaksanaan model tersebut adalah di stesen

SOALAN NO.21

bawah tanah di mana tanah terpaksa diambil balik untuk keperluan pembinaan. Setelah stesen tersebut siap dibina, tanah di atas stesen tersebut boleh dibiarkan kosong sahaja, ataupun boleh dioptimakan dengan pembangunan lot-lot kedai ataupun unit kediaman. Pendapatan dari jualan ataupun sewaan lot-lot dan unit-unit tersebut akan dapat mengurangkan kos pembangunan dan operasi sistem MRT tersebut, sekaligus mengurangkan beban pembayar cukai.

Ingin saya tegaskan bahawa pembangunan “rel dan harta tanah” hanya dapat dilaksanakan di atas tanah yang diambil untuk keperluan sistem keretapi. Akta Pengambilan Tanah 1960 tidak akan membenarkan pengambilan tanah yang lebih daripada yang diperlukan untuk pembangunan MRT.

Terdapat situasi di mana terdapat tanah kerajaan yang terletak bersebelahan dengan stesen MRT yang terbiar ataupun tidak digunakan secara optima. Tanah tersebut dapat dibangunkan bersama sistem MRT untuk pembangunan yang berorientasikan pengangkutan awam ataupun *transit oriented development*. Terdapat juga situasi di mana tanah persendirian dibeli untuk tujuan “rel dan harta tanah”. Untuk kes-kes begini, tanah persendirian tersebut hanya boleh diperolehi dengan cara “willing buyer-willing seller”.

Pada masa ini, tanah untuk pembangunan “rel dan harta tanah” belum dipastikan lagi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK]

TARIKH 25 OKTOBER 2011

RUJUKAN 4133

SOALAN:

NO. SOALAN : 23

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah kewajaran tindakan keras yang diambil oleh pihak polis bagi menghalang perhimpunan aman Bersih 2.0 pada 9 Julai 2011. Apakah status penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah laku Polis (IPCMC) yang masih belum ditubuhkan berikutan cadangan oleh Suruhanjaya Diraja Mengenai Penambahbaikan Pengurusan dan Perkhidmatan Polis pada 2005.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi menangani perhimpunan aman Bersih 2.0 pada 9 Julai lalu, Kementerian Dalam Negeri khasnya Poll's Diraja Malaysia (PDRM) mengambil serius berkenaan perancangan untuk menganjurkan perhimpunan tersebut. Perhimpunan Bersih 2.0 dirancang diadakan di Kuala Lumpur pada 9 Julai 2011 oleh pihak BERSIH bagi tujuan reformasi pilihanraya. Pihak BERSIH telah menyeru orang ramai dan parti-parti politik supaya turut hadir dalam perarakan Bersih pada 9 Julai 2011. Pihak BERSIH mendakwa lebih 100 ribu orang akan hadir pada perhimpunan tersebut. Mereka juga mendakwa perhimpunan ini akan dibuat dalam keadaan aman.

Selanjutnya, disebelah pihak yang lain pula, pihak PERKASA dan Pemuda UMNO telah mengeluarkan kenyataan pihak mereka juga akan membuat perhimpunan pada masa tarikh dan tempat yang sama bagi tujuan menghalang perhimpunan Bersih.

Kementerian ingin menekankan bahawa, setakat ini sahaja polis telah menerima lebih daripada 1500 laporan polis yang telah dibuat oleh

orang perseorangan, NGO, pertubuhan politik dan individu lain di seluruh negara yang melahirkan rasa kebimbangan terhadap perhimpunan yang akan dibuat oleh BERSIH tersebut. Mereka menggesa supaya pihak polis mengambil tindakan agar perhimpunan ini tidak diadakan demi keselamatan dan ketenteraman negara.

Sehingga 29 Jun 2011 sebanyak 109 kertas siasatan polis telah dibuka bagi kesalahan perhimpunan tanpa permit, yang diadakan bagi menyeru orang ramai supaya hadir ke perhimpunan Bersih 2.0 dan kes-kes mengedar risalah-risalah yang menghasut serta memiliki bahan-bahan bagi tujuan perhimpunan Bersih.

Berdasarkan fakta-fakta tersebut dan mengambil kira kesesakan jalanraya di Kuala Lumpur, kepentingan peniaga-peniaga, pemandu-pemandu teksi serta industri pelancongan, pihak polis berpandangan perhimpunan tersebut akan menjadi luar kawalan dan membawa kepada keadaan huru-hara, menjelaskan ketenteraman awam serta mengancam keselamatan negara.

Polis DiRaja Malaysia sebagai agensi penguatkuasaan undang-undang yang utama dinegara ini telah diberi amanah dibawah Seksyen 3 (3) Akta Polis 1967 untuk mengekalkan keamanan dan keselamatan negara Malaysia. Justeru pihak polis telah memutuskan tiada permit polis dikeluarkan bagi perhimpunan Bersih pada 9 Julai 2011 kerana perhimpunan tersebut akan menyebabkan pecah keamanan dan keselamatan negara akan terjejas.

JAWAPAN :

Ketua Polis Negara, Timbalan Ketua Polis Negara dan Pemangku Ketua Polis Kuala Lumpur melalui kenyataan media telah memaklumkan bahawa perhimpunan Bersih 2.0 adalah perhimpunan tanpa permit dan tidak mendapatkan kebenaran daripada polis. Orang ramai, pertubuhan-pertubuhan, NGO dan politik telah dinasihatkan supaya tidak hadir dalam perhimpunan tersebut.

Walau bagaimanapun, nasihat tersebut tidak diendahkan oleh pihak Bersih, malahan banyak ceramah-ceramah diatur untuk menyeru orang ramai supaya hadir ke perhimpunan tersebut. Pihak polis berdasarkan maklumat semasa telah mengambil tindakan mengikut lunas-lunas undang-undang negara untuk mencegah daripada berlakunya perhimpunan pada 9 Julai 2011.

Kerajaan sedia maklum dan tidak menafikan tentang hak orang ramai untuk bercakap, berhimpun dan menuju persatuan dibawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Manakala pihak parlimen juga diberi hak untuk membuat undang-undang bagi mengawal selia hak-hak kebebasan yang diberi dalam Perkara 10 (2) Perlembagaan Persekutuan (sebagai contoh Seksyen 27 Akta polis 1967). Pihak polis hanya melaksanakan undang-undang negara mengenai perkara ini bagi menentukan keamanan dan keselamatan negara terus kekal. Pihak polis mempunyai tanggungjawab untuk menentukan sama ada sesuatu perhimpunan tersebut akan menjadi aman atau huru-hara. Sekiranya pada pandangan polis berdasarkan kepada fakta-fakta yang sedia ada sesuatu perhimpunan tersebut akan menyebabkan pecah keamanan, adalah menjadi kewajipan pihak polis untuk mengambil tindakan tegas untuk mencegah dari berlakunya suasana tersebut.

Justeru, sehingga hari ini, tindakan yang diambil oleh pihak polis bukannya sengaja untuk menyekat perhimpunan Bersih atau semata-mata untuk memihak kepada pihak kerajaan yang memerintah hari ini, tetapi tindakan yang diambil adalah untuk kepentingan rakyat dan negara keseluruhannya.

Berkenaan status penubuhan IPCMC pula, kerajaan mengambil kira syor-syor yang dikemukakan di dalam laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM.

Daripada 125 cadangan yang disyorkan itu, sebanyak 87 atau 70% cadangan telah diklasifikasikan sebagai telah dilaksanakan, 29 atau 23% Cadangan dalam perlaksanaan, 1 atau 1% cadangan sebagai masih dalam kajian, sementara hanya 8 atau 6% cadangan tidak dapat dilaksanakan.

Selain daripada itu, Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 (SIAP) telah diluluskan oleh Parlimen. SIAP diwujudkan untuk menerima dan menyiasat aduan berkaitan dengan agensi-agensi Penguatkuasaan termasuk PDRM. Ini bertujuan untuk meningkatkan lagi integriti agensi penguatkuasaan khususnya PDRM.

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB PUAN FONG PO KUAN (BATU GAJAH)

TARIKH 25 OKTOBER 2011 (SELASA)

SOALAN

YB Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah) minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah pendekatan yang diguna pakai untuk mengenal pasti dan mengagihkan peruntukan sebanyak RM1.4 bilion melalui Program Kebajikan Rakyat 1 Malaysia. Mengapakah Ahli Parlimen tanpa mengikut parti tidak dilibatkan dalam program ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Program Kebajikan Rakyat 1 Malaysia (KAR1SMA) merupakan suatu usaha berterusan Kerajaan, melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga

JAWAPAN:

dan Masyarakat (KPWKM), untuk meningkatkan kualiti hidup golongan berpendapatan rendah serta memastikan agenda kebajikan rakyat tercapai.

KAR1SMA adalah program pembangunan masyarakat secara holistik yang bertujuan untuk mentransformasikan perkhidmatan agensi-agensi di bawah KPWKM merangkumi lima kategori iaitu kanak-kanak, orang kurang upaya (OKU), warga emas, komuniti serta balu tentera dan polis. Di bawah KAR1SMA, Kerajaan Persekutuan menyediakan pelbagai perkhidmatan kepada kumpulan sasar merangkumi bantuan kewangan bulanan, perkhidmatan di institusi, pusat jagaan harian, program Ziarah dan Bantu, insentif OKU produktif, *Job Coach*, latihan kemahiran kepada ibu tunggal dan golongan wanita (I-Kit dan Jejari Bestari), pemeriksaan kesihatan dan

mamogram, pusat aktiviti kanak-kanak, perkhidmatan TASKA dan Pusat Jagaan, serta inisiatif kebajikan produktif.

Melalui KAR1SMA, golongan sasar yang menerima perkhidmatan kerajaan akan digalakkan berusaha gigih untuk keluar daripada kepompong kemiskinan dan seterusnya hidup berdikari. KAR1SMA juga akan memastikan agensi-agensi kerajaan yang ada dimanfaatkan sepenuhnya bagi memastikan kejayaan program ini yang akhirnya dapat menjamin kumpulan sasar KPWKM menikmati kehidupan yang berkualiti.

Memandangkan perkhidmatan yang disediakan di bawah KAR1SMA adalah perkhidmatan sedia ada di Kementerian maka pendekatan yang digunakan bagi mengagihkan peruntukan dan melaksanakan program adalah berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, skim bantuan kewangan bulanan diagihkan kepada mereka yang layak berdasarkan pendapatan isi rumah mengikut pendapatan garis kemiskinan (PGK) semasa. Selain itu bagi OKU yang bekerja dengan pendapatan tidak melebihi RM1.200 sebulan, mereka diberikan insentif sebanyak RM300 sebulan.

Program KAR1SMA dilaksanakan tanpa mengira fahaman dan latar belakang politik. Sehubungan itu, Ahli Parlimen atau pemimpin tempatan boleh merujuk permohonan bagi mendapatkan bantuan di bawah program KAR1SMA ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, Jajahan atau Bahagian yang terdekat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas

[Telok Kemang]

TARIKH

25 Oktober 2011 (Selasa)

SOALAN

25

~~PENGANGKUTAN~~ Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]
~~PERJAHANAN~~

minta **MENTERI**

menyatakan:-

- (a) Apakah benar Malaysia perlu meminta kebenaran daripada Singapura apabila ingin menggunakan ruang udara yang lebih tinggi dari satu tahap (*height*) walaupun berada di ruang udara Malaysia; dan
- (b) Kebenarannya ruang radar sedia ada tidak dapat mengesan objek pada satu sudut di bawah tahap (*level*) tertentu.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Telok Kemang, kenyataan bahawa Malaysia perlu meminta kebenaran daripada Singapura apabila ingin menggunakan ruang udara yang lebih tinggi dari satu tahap (*height*) walaupun berada di ruang udara Malaysia adalah tidak benar. Ini adalah kerana ruang udara Malaysia adalah di bawah tanggungjawab Malaysia yang dikawal dan dijaga oleh Jabatan Penerbangan Awam (DCA) dan tidak memerlukan kebenaran dari lain-lain negara. Namun begitu, penggunaan ruang udara antarabangsa memerlukan kerjasama daripada lain-lain negara seperti yang didelegasikan oleh *International Civil Aviation Organization* (ICAO). Sebagai contoh, pengurusan ruang udara Laut China Selatan telah didelegasikan kepada Singapura oleh ICAO pada tahun 1982 dan dikenali sebagai *Singapore Flight Information Region* (FIR).
- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, ruang radar sedia ada tidak dapat mengesan objek pada satu sudut di bawah tahap (*level*) tertentu. Ini adalah kerana ia bergantung kepada kedudukan radar (*radar head*) yang dipasang. Bagi radar yang dipasang di kawasan lapangan terbang dan kedudukan-kedudukan yang strategik, kedudukan radar adalah diparas tanah di mana setiap objek yang terbang di paras amat rendah dapat dilihat.

NO. SOALAN : 26

**PERTANYAAN PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB
DARIPADA LISAN DEWA BANTUAN YATMANICKAVASAGAM A/L**

SUNDARAM [KAPAR]

TARIKH **25 OKTOBER 2011**

RUJUKAN **4134**

SOALAN:

Y.B Tuan Manickavasagam a/l Sundaram [Kapar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pemohon yang diberi status penduduk tetap (PR) di Malaysia sejak Merdeka. Daripada jumlah ini berapa ramaikah yang diberi status warganegara yang bermastautin di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah. Daripada jumlah ini berapa ramaikah yang kini bertaraf Bumiputera.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kapar yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemohon yang diberi status Penduduk Tetap (PR) di Malaysia sejak Hari Merdeka sehingga Ogos 2011 adalah sebanyak 300,474. Daripada jumlah ini, sebanyak 209,998 Pemastautin Tetap telah dianugerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia. Pecahan jumlah Pemastautin Tetap yang dianugerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH
SEMENANJUNG MALAYSIA	208,219
SABAH	1,513
SARAWAK	266
JUMLAH	209,998

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penentuan taraf Bumiputra bagi Sabah dan Sarawak adalah dibawah kuasa Mahkamah Anak Negeri.

No. Soalan: [27] PR-
1243-L45891

PERTANYAAN **JAWAB LISAN**

PEMBERITAHUAN
DARIPADA **TUAN AZAN BIN ISMAIL**
PERTANYAAN BAGI
JAWAB LISAN **[INDERAMAHKOTA]**

DEWAN RAKYAT
TARIKH
SOALAN

25 OKTOBER 2011
Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota]
minta MENTERI LUAR NEGERI
menyatakan apakah status kewangan
tabung-tabung derma awam yang telah
dianjurkan di dalam negara kita untuk tujuan
membantu mangsa bencana dan
bagaimanakah pentadbiran serta
pengurusannya terutama apabila berlaku
sebarang insiden yang berkaitan hubungan
antarabangsa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Indera Mahkota atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Kementerian Luar Negeri mengalu-alukan inisiatif yang telah digerakkan oleh pelbagai badan korporat, kumpulan perniagaan, pertubuhan bukan Kerajaan dan orang perseorangan dalam mengutip sumbangan bagi tujuan membantu mangsa-mangsa bencana. Usaha murni ini menggambarkan keprihatinan rakyat Malaysia membantu mereka yang dilanda kesusahan, tanpa mengira batasan sempadan.

3. Tabung amanah di bawah seliaan Kementerian Luar Negeri bagi membantu mangsa-mangsa bencana di luar negeri adalah Tabung Bencana Kementerian Luar Negeri (TBKLN) yang diwujudkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957. Sumbangan yang disalurkan di bawah TBKLN akan dinyatakan sebagai “Sumbangan daripada Rakyat Malaysia”. Sumbangan berkenaan juga layak dipertimbangkan untuk pengecualian cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

4. Sejak ditubuhkan pada 2006, sebanyak RM6.2 juta wang sumbangan daripada dana awam telah disalurkan dalam bentuk bantuan tunai atau melalui projek-projek pemulihan seperti di Sichuan, China; Aceh, Indonesia; Myanmar, Pakistan dan Sri Lanka.

5. Usaha terbaru yang digerakkan oleh TBKLN kini adalah usaha mengutip sumbangan bagi membantu mangsa-mangsa kebuluran Somalia yang dilancarkan pada 24 Ogos 2011.

6. Pentadbiran serta pengurusan tabung berkenaan adalah berlandaskan kepada surat kuasa pengurusan Akaun Amanah yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan dan diuruskan oleh satu Jawatankuasa Amanah yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri. Laporan mengenai pengurusan akaun TBKLN dimajukan kepada Perbendaharaan dan Jabatan Audit Negara setiap tahun.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 2 ^

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA	PE	LISAN
ANYAAN	RT	
		Y.B. DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID (PENGERANG)
TARIKH		25.10.2011

SOALAN:

Y.B. DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [PENGERANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah terdapat sebarang cadangan dan usaha untuk menyediakan almari-almari kecil di sekolah-sekolah bagi mengurangkan beban kepada para pelajar yang terpaksa memikul beban beg sekolah yang berat untuk ke sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat sekolah-sekolah yang menyediakan kemudahan almari kecil bagi kegunaan murid menyimpan bahan keperluan harian mereka seperti beg sekolah, bekas makanan serta minuman, buku rujukan dan sebagainya. Penyediaan keperluan tersebut merupakan inisiatif pihak sekolah dan juga peranan yang dimainkan oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia bersedia untuk menyediakan almari-almari kecil di semua sekolah bagi mengurangkan beban murid yang membawa beg sekolah yang berat namun perkara ini tertakluk kepada keperluan serta keupayaan kewangan semasa kementerian.

Soalan No : &

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**Y.B. PUAN CHONG ENG
(BUKIT MERTAJAM)**

TARIKH

25.10.2011

SOALAN:

Y.B. PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Kementerian akan meluluskan permohonan untuk membina cawangan SMJK Jit Sin di SPS, Pulau Pinang. Nyatakan bilangan sekolah yang tidak mempunyai padang di negeri Pulau Pinang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan permuafakatan politik yang telah dibuat oleh pemimpin-pemimpin negara dahulu, kerajaan sedar bahawa kepentingan semua pihak haruslah diberikan keutamaan dengan mengambil kira keperluan semua kaum di negara ini. Oleh itu, sebelum sesuatu keputusan dibuat, kita perlu merujuk kepada dasar dan peruntukan undang-undang sedia ada.

Oleh yang demikian, **sekiranya terdapat cadangan untuk membuka sebarang institusi pendidikan, ianya tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang dinyatakan dalam Akta Pendidikan 1996.** Justeru, berdasarkan Seksyen 16 Akta Pendidikan 1996, hanya terdapat 3 kategori institusi pendidikan boleh ditubuhkan iaitu institusi pendidikan kerajaan, institusi pendidikan bantuan kerajaan dan institusi pendidikan swasta. Sehubungan itu, cadangan untuk menubuhkan cawangan sesebuah sekolah seperti SMJK Jit Sin di Seberang

Perai (SPS) adalah tidak dinyatakan atau diperuntukkan dalam mana-mana seksyen di bawah Akta berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 21 buah sekolah di negeri Pulau Pinang yang tidak mempunyai padang sekolah.

Rjm 46

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN
DARIPADA Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]
TARIKH 25 Oktober 2011 (Selasa)
SOALAN Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kenapa bayaran subsidi tangkapan laut sering lewat diberikan seperti yang sekarang berlaku di Hilir Perak di mana nelayan - nelayan sudah 3 bulan tidak menerima bayaran subsidi tersebut. Apakah langkah - langkah yang akan diambil supaya perkara ini tidak berulang lagi.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS

TANI Tuan Yang Dipertua,

Kelewatan pembayaran insentif penangkapan ikan adalah disebabkan masalah teknikal dalam sistem e-Pengisytiharaan. Walau bagaimanapun, masalah tersebut telah dapat diatasi dan pembayaran tunggakan telah dibuat pada 12 September 2011. Pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) kini telah melaksanakan langkah - langkah kawalan ke atas sistem yang digunakan agar perkara yang sama tidak berulang.

Antara langkah yang sedang diambil bagi memastikan kelewatan tidak berulang adalah:

- (i) menyediakan sistem 'back up' yang lebih baik dan berkesan;
- (ii) meningkatkan pemantauan dan pemerhatian ke atas sistem e- pengisytiharaan; dan
- (iii) meningkatkan kecekapan pegawai dan kakitangan yang terlibat melalui latihan dan tunjuk ajar secara berterusan terutama apabila berlaku masalah kemasukan data/maklumat ke dalam sistem yang digunakan.

NO. SOALAN : 21

LISAN PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
YB PUDEWAJARAPAZAH BT. SALLEH [KUANTAN]

PERTANYAAN **25 OKTOBER 2011**
DABIPADA **4135**

TARIKH SOALAN :

RUJUKAN

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]

minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah mangsa pemerdagangan manusia dalam negara serta keberkesanan usaha membanteras jenayah ini sejak akta berkaitan dikuatkuasakan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bermula pada 28 Februari 2008 sehingga 21 Ogos 2011, seramai 2,148 mangsa telah diselamatkan dan diberikan perintah perlindungan sementara (IPO) di bawah seksyen 44 (1) Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007. Dari jumlah tersebut, seramai 799 mangsa telah diberikan perintah perlindungan (PO) di bawah seksyen 51 (3) Akta yang sama dan diberikan perlindungan di rumah yang khusus bagi mangsa pemerdagangan orang.

Kerajaan amat memandang serius akan jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Sehubungan dengan itu pelbagai usaha telah diambil bagi menangani kedua-dua jenayah tersebut. Antara usaha yang diambil oleh Kerajaan adalah melalui penguatkuasaan Akta Antipemerdagangan Orang 2007. Bagi memberikan hukuman yang berat kepada pesalah-pesalah ini, Kerajaan telah meminda Akta Antipemerdagangan Orang 2007 yang kemudian dikenali sebagai Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007. Melalui pindaan ini, kadar penalti bagi kesalahan pemerdagangan orang telah dinaikkan daripada RM500,000 kepada RM1 juta

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha-usaha bagi menangani dan membanteras jenayah ini nyata berkesan. Penguatkuasaan oleh agensi-agensi penguatkuasa yang

terdiri daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Kastam DiRaja Malaysia (KDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah berjaya membuat tangkapan melibatkan kes pemerdagangan orang. Di antara kes tersebut melibatkan eksplorasi seks, perkhidmatan paksa, kesalahan imigresen dan juga kesalahan melibatkan penjualan bayi. Pendakwaan juga telah dibuat dan terdapat kes yang berjaya dituduh di Mahkamah.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT

[KUALA TERENGGANU]

TARIKH 25 OKTOBER 2011

RUJUKAN 4136

SOALAN:

Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kenapa agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) masih kurang berkesan dalam menangani ancaman dadah serta kurang prog ram-prog ram untuk anak muda khususnya di luar bandar.
Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Terengganu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah kurang tepat menyatakan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) masih kurang berkesan dalam

JAWAPAN :

menangani ancaman dadah. Ini kerana berdasarkan statistik tahun 2000 hingga 2010, seramai **57,189** penagih dadah dapat dipulihkan sepenuhnya hasil daripada program-program rawatan dan pemulihan yang dijalankan oleh AADK di seluruh negara. AADK juga mendapati masyarakat telah mendapat maklumat, pengetahuan, kesedaran dan kemahiran asas untuk menolak dadah dengan penglibatan seramai **614,916** orang untuk **1,788** Program Pendidikan Pencegahan Dadah pada tahun 2010 dan **165,113** orang untuk **1,945** program yang sama dari Januari hingga Ogos 2011.

AADK sentiasa peka terhadap permasalahan dadah yang melibatkan golongan muda sama ada di bandar mahupun di luar bandar. Antara program yang telah disusun bagi golongan muda yang berisiko tinggi adalah seperti:

- i. **Program SMART (Sukses, Matang, Aktif, Rasional, Tanggungjawab)** yang bertujuan untuk membimbing dan mendidik belia bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta kesedaran tentang bahaya dadah;
- ii. **Program SHIELDS (Sayangi Hidup Elak Dadah Selamanya)** yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran ketahanan diri murid (lingkungan umur 13 hingga 18 tahun) yang dikenalpasti berisiko dalam penyalahgunaan dadah; and
- iii. **Program Rakan Antidadah (RADA)** diwujudkan bagi memastikan golongan muda yang berumur 15 tahun ke atas mempunyai

pengetahuan dan kemahiran berkaitan pendidikan pencegahan dadah.

Secara keseluruhannya, jumlah program pendidikan pencegahan dan kesedaran awam yang melibatkan belia bagi tahun 2010 adalah sebanyak **774** di seluruh Malaysia yang melibatkan seramai **521,258** orang. Manakala bagi Januari hingga Ogos 2011, sebanyak **716** program yang berkaitan dan melibatkan seramai **82,111** orang telah dijalankan.

NO. SOALAN : 33

LISAN

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN]
DEWAN RAKYAT**

25 OKTOBER 2011

PERTANYAAN 4137

DARIPADA

SOALAN:

TARIKH

RUJUKAN Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- (a) Apakah kesalahan peguam Perancis, William Bourdon yang mengendali kes kapal selam Scorpene dipaksa hantar pulang ke Perancis; dan

- (b) Mengapa pegawai imigresen bertindak kasar terhadap peguam William Bourdon sehingga menangkap beliau ketika di atas kapal terbang sebaik sahaja mendarat di KLIA, seolah-olah beliau adalah seorang pengganas.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) subjek telah ditahan dan dihantar pulang ke negara asal oleh kerana subjek telah melanggar syarat - syarat Pas Lawatan Sosial seperti yang termaktub di dalam Seksyen 39(b) Peraturan - Peraturan Imigresen 1963 yang menyatakan bahawa:

“Mana - mana orang yang tanpa alasan yang munasabah melanggar atau gagal mematuhi mana - mana syarat yang dikenakan berkaitan dengan, atau arahan yang diendorskan di atas mana - mana Pas, Permit atau Pas Sempadan, adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Peraturan - Peraturan ini dan hendaklah dikenakan apabila disabitkan, hukuman penjara kepada tempoh tidak melebihi enam bulan atau denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua - dua penjara dan denda tersebut.”

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Seksyen 51(1)(a)(ii) Akta Imigresen 1959/63 menyatakan bahawa:

“Mana - mana pegawai kanan Imigresen bolehlah tanpa waran dan dengan atau tanpa bantuan memberhentikan dan menggeledah mana - mana vesel, kenderaan atau orang, atau menggeledah mana - mana kapal udara, sama ada di tempat awam atau tidak.”

Sehubungan dengan itu, adalah tidak menjadi kesalahan bagi pegawai Imigresen Kanan untuk menaiki mana - mana kenderaan bagi melakukan pemeriksaan dan tangkapan.

PEMBERITAHUAN

<u>PERTANYAAN</u>	<u>JAWAB LISAN</u>
<u>DARIPADA KYAT</u>	IR. HAJI HAMIM BIN
TARIKH	SAMURI 25 OKTOBER2011
SOALAN	(KHAMIS)
	NO. 35 34

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah *Key Performance Indicator* (KPI) bagi pensyarah di IPTA kerana ramai pelajar yang mengadu termasuk pensyarah universiti tempatan yang sedang belajar di peringkat Master dan Phd berdepan dengan karenah supervisor melambat-lambatkan penyemakan ke atas kertas kerja kursus termasuk persiapan tesis mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sudah menjadi tanggungjawab penyelia untuk membantu pelajar dalam memastikan tesis yang dihasilkan mencapai tahap kualiti seperti yang ditetapkan oleh pihak universiti. Sehubungan itu, penilaian yang teliti dan rapi perlu dibuat memandangkan tesis yang dihasilkan akan menjadi rujukan pada masa hadapan dan bagi memastikan kegiatan menciplak hasil kerja dari sumber lain tidak beriaku.

Berdasarkan maklum balas yang diterima dari Institusi Pengajian

Tinggi Awam (IPTA), aduan karenah *supervisor* atau penyelia melambat-

Iambatkan penyemakan ke atas kertas kerja kursus termasuk persiapan tesis mereka adalah merupakan kes terpencil dan melibatkan jumlah yang sangat kecil. Di peringkat IPT, tindakan sewajamya sememangnya telah diambil untuk mencegah perkara ini dari berlaku. Di antara langkah-langkah yang telah diambil ialah:

- i. pertemuan pelajar dengan penyelia direkod dan didokumenkan(borang pertemuan pelajar/penyelia dan buku log);
- ii. menetapkan jangka masa khusus bagi pemeriksaan tesis; dan
- iii. pertemuan pelajar dan penyelia dirancang dan diadakan secara berperingkat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di peringkat Kementerian tiada tempoh masa khusus yang ditetapkan bagi membuat semakan penulisan ke atas kertas kerja pelajar memandangkan semakan yang dibuat adalah berbeza mengikut bidang pengajian serta bergantung pada faktor seperti berikut:

- i. kualiti penyelidikan pelajar;
- ii. kualiti penulisan pelajar;
- iii. kekerapan pelajar menyerahkan draf penulisan tesis kepada penyelia; dan
- iv. kesediaan pelajar / penyelia bagi membincangkan semakan yang dibuat dan pembetulan yang perlu

dilakukan.

Walau bagaimanapun, sekiranya perkara ini benar-benar terjadi pelajar sememangnya disediakan saluran untuk membuat aduan sama ada di peringkat fakulti ataupun terus kepada pengurusan tertinggi IPT. Sekiranya didapati wujud kebenaran kepada aduan mengenai penyelia meiengah-lengahkan penyemakan hasil penulisan tesis pelajar, pihak IPT akan memastikan calon berkenaan mendapat bantuan sewajarnya.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' SERI TIONG KI0NG SING

[BINTULU]

TARIKH 25 OKTOBER 2011

RUJUKAN : 4138

SOALAN:

Datuk Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- (a) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk memberi pengiktirafan kewarganegaraan Malaysia kepada pemegang MyKad Hijau khususnya kepada anak-anak kelahiran Sarawak di mana ibu bapa mereka tidak mempunyai Sijil Kelahiran ; dan

JAWAPAN :

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bintulu
(b) berapakah jumlah pemegang MyKad Hijau yang telah diberikan
yang mengemukakan pertanyaan.
pengiktirafan Kewarganegaraan Malaysia jika ada.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pemberian taraf kewarganegaraan adalah berdasarkan kelayakan yang diperuntukkan di Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan. Manakala, pemohonan taraf kewarganegaraan di kalangan Pemastautin Sementara (pemegang Kad Hijau) pula hanya diberi pertimbangan sekiranya mereka mempunyai kelayakan dan tuntutan yang selalunya berkait rapat dengan permohonan pengesahan taraf kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang dibawah Perkara 14, Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini ia merujuk kepada keadaan di mana semasa kelahiran tersebut ibu bapanya adalah seorang Warganegara atau Pemastautin Tetap. Oleh itu, selain daripada kelayakan yang disebutkan tadi, seorang pemegang Pemastautin Sementara tidak mempunyai kelayakan untuk diberikan taraf kewarganegaraan Malaysia.

Pemegang Pemastautin Sementara yang telah diberikan pengiktirafan taraf kewarganegaraan Malaysia sehingga terkini adalah berjumlah 1,198.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA²

NO. 78

[PARIT BUNTAR]

TARIKH 25 OKTOBER 2011

SOALAN:

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta PERDANA
MENTERI menyatakan

- (a) bilakah kali terakhir biasiswa pelajar Malaysia peringkat Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan PhD di luar negara dinaikkan; dan
- (b) apakah benar jumlah biasiswa yang diberi tidak dapat menampung jumlah kos hidup yang tinggi di luar negara.

**JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMEDNAZR1 ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sentiasa memastikan kadar biasiswa yang diterima oleh pelajar-pelajar tajaan di dalam dan luar negara adalah mencukupi selaras dengan kos sara hidup pelajar di negara berkaitan. Secara umumnya JPA akan mengkaji semula kadar biasiswa Kerajaan di dalam dan luar negara setiap lima tahun sekali. Walau bagaimanapun, kadar-kadar biasiswa sedia ada akan dikaji semula dari semasa ke semasa tertakluk kepada keperluan dan kemampuan kewangan semasa Kerajaan. Kali terakhir kadar biasiswa JPA diluluskan kenaikan oleh Perbendaharaan adalah pada tahun 2011 bagi negara Thailand dan UAE.
- (b) Sehingga kini, kadar biasiswa yang diterima oleh pelajar bagi menampung kos sara hidup di negara pengajian adalah mencukupi bagi membolehkan pelajar meneruskan pengajian dengan selesa. Persoalan sama ada peruntukan adalah mencukupi atau tidak bergantung kepada bagaimana para pelajar menguruskan peruntukan yang telah diberikan. JPA memperuntukkan bantuan kewangan bagi tujuan pembangunan pendidikan meliputi pembiayaan penuh yuran pengajian, elaun sara hidup dan elaun-elaun tambahan yang berkaitan pengajian.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA PERTANYAAN

TUAN SIM TONG HIM [KOTA LISAN MELAKA]

TARIKH 25.10.2011

SOALAN 37

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan terdapat berapa jenis caj dan bayaran perkhidmatan yang diluluskan oleh Kementerian ini

- (a) adakah ‘Caj Warisan’ yang dilaksanakan oleh Kerajaan negeri Melaka telah dirujuk kepada Kementerian ini? Jika ya, apakah keputusannya; dan

(b) berapa buah negeri telah mengenakan ‘Caj Warisan’ ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Caj Warisan berkenaan merupakan caj yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri dan tidak bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

SOALAN(39)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 25 OKTOBER 2011 (SELASA)

**DARIPADA Y.B. DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED
[SEKIJANG]**

SOALAN

Y.B. DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED [SEKIJANG] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan berapakah jumlah tapak kawasan pelupusan sampah di negara ini yang beroperasi dan tidak beroperasi (nyatakan di mana). Daripada jumlah yang beroperasi itu berapakah tapak yang dikategorikan "tapak pelupusan sanitari".

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Januari 2011, terdapat sebanyak 296 tapak pelupusan di seluruh Malaysia, di mana 166 tapak masih beroperasi manakala 130 tapak tidak lagi beroperasi. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 8 tapak pelupusan diklasifikasikan sebagai tapak pelupusan sanitari iaitu 3 di Sarawak (Mambong, Sibuti, Miri dan Kemunyang, Sibu), 3 di Selangor (Bukit Tagar, Tanjung 12, Jeram) dan 2 di Johor (Seelong, Pasir Gudang).

Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), sebanyak 11 tapak pelupusan sanitari dirancang untuk dibina di seluruh Semenanjung dengan anggaran kos sebanyak RM 346 juta.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2011

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

SOALAN NO: 42

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO' RASHID BIN DIN (MERBOK)
TARIKH	25 OKTOBER 2011
SOALAN	

DATO' RASHID BIN DIN (MERBOK) minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan projek-projek yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan untuk menaik taraf kawasan Muda *Agriculture Development Authority* (MADA) di negeri Kedah Darul Aman. Perincikan perlaksanaan setiap projek.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Saya memohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan YB Bandar Tun Razak pada 22 November 2011 dan YB Kuala Kedah pada 24 November 2011. Program NKEA melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP) telah diperkenalkan oleh Kerajaan pada Mac 2010 adalah bertujuan meningkatkan pendapatan kasar negara. Pendapatan per kapita negara dijangka meningkat dari RM23.770 setahun kepada RM48.000 setahun menjelang tahun 2020.

Di bawah sektor pertanian, projek penanaman padi di kawasan MADA merupakan salah satu projek permulaan (*Entry Point Project*, EPP) yang telah dikenal pasti bagi menangani beberapa kelemahan yang dialami oleh subsektor padi iaitu kurangnya penanaman padi secara komersial, di mana purata pemilikan tanah oleh petani ialah 2 hektar seorang. Selain itu, sistem pengairan yang kurang baik dan kualiti tanah yang rendah telah dikenal pasti sebagai kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki. Kelemahan-kelemahan tersebut akan mengakibatkan produktiviti yang rendah dan kebergantungan yang tinggi

kepada subsidi yang diberikan oleh kerajaan.

Di dalam Program NKEA bagi Sektor Pertanian, pihak MADA terlibat di dalam EPP 10 iaitu Pengukuhan Produktiviti Tanaman Padi Di Kawasan Muda. Dua (2) skop program yang terlibat adalah:

- i) Penubuhan estet padi secara komersial dan berpusat melibatkan pembangunan projek estet padi seluas 5,000 hektar setiap tahun bermula tahun 2011 sehingga mencapai 50,000 hektar pada tahun 2020. Sasaran purata hasil padi yang ditetapkan adalah mencapai 8.0 tan/hektar (bersih) pada tahun 2020; dan
- ii) Pembangunan Sistem Pengairan Tersier. Pihak MADA bersama JPS Muda akan membangunkan sistem tersier bagi 128 blok pengairan dengan jumlah keluasan sebanyak 61,569 hektar dalam tujuh (7) fasa bermula **tahun 2011 hingga 2020** melibatkan anggaran kos berjumlah **RM2.2 billion**.

MADA telah diperuntukkan sejumlah RM 41.8 juta bagi tahun 2011 untuk kerja-kerja rekabentuk, kerja ukur dan pengambilan tanah untuk membolehkan kerja-kerja pembinaan dimulakan pada tahun 2012.

NO. SOALAN : 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATO' ISMAIL BIN KASIM [ARAU]

TARIKH

25.10.2011(SELASA)

DATO' ISMAIL BIN KASIM [ARAU] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian bagi memastikan harga barang pengguna sentiasa berada di tahap yang munasabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, Kementerian telah dan sedang melaksanakan tindakan bagi memastikan harga barang pengguna sentiasa berada di tahap yang munasabah. Di antara tindakan tersebut adalah :

- (i) Melaksanakan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP) pada musim-musim perayaan utama iaitu Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali, Pesta Kaamatan, Hari Gawai, dan Krismas:

- (ii) Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 telah dikuatkuasakan oleh Kerajaan mulai 01 April 2011 bagi menggantikan Akta Kawalan Harga 1946. Akta tersebut bertujuan menangani kenaikan harga secara tidak munasabah dan mencegah amalan pencatutan. Akta ini mengadakan peruntukan yang membolehkan kerajaan mengambil tindakan terus terhadap pengeluar dan peniaga yang melakukan perbuatan mengambil keuntungan yang berlebihan. Kementerian sedang mempertingkatkan usaha agar tindakan pemantauan dan penguatkuasaan menjadi lebih berkesan bagi menangani kenaikan harga barang dan pencatutan;
- (iii) Memperkenalkan Bidang Keberhasilan Utama Negara ketujuh (NKRA 7), bagi Memerangi Kenaikan Kos Sara Hidup yang kian meningkat sebagai usaha membantu meringankan beban rakyat ekoran kenaikan kos barang makanan, sewaan, pengangkutan dan sebagainya. Pertambahan NKRA kepada tujuh bidang berbanding enam sebelum ini dibuat berdasarkan kajian dan penilaian terhadap tuntutan serta kehendak rakyat:
- (iv) Menetapkan harga runcit keatas beberapa barang perlu secara pentadbiran melalui persetujuan di antara pihak industri dan Kementerian. Sebarang perubahan harga ini perlu mendapat kebenaran Kementerian;
- (v) Menetapkan harga barang secara undang-undang samada di peringkat borong dan runcit di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011;
- (vi) Mewajibkan pengguna meletakkan tanda harga keatas barang yang dipamerkan untuk jualan runcit bagi membolehkan pengguna membuat perbandingan harga sebelum membeli barang berkenaan;

- (vii) Mengambil tindakan tegas terhadap aduan pengguna mengenai peniaga yang menaikan harga barang secara melampau dan sewenang-wenangnya;
- (viii) Membuat pemantauan dan pemeriksaan secara berkala di pasar awam, kedai runcit, pasaraya[^] dan *hypermarket* dan juga ke atas makanan sedia masak untuk mendapatkan trend perubahan harga dan mengambil tindakan untuk mengatasinya;
- (ix) Menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Bekalan dan Harga yang dipengurusan oleh Y.A.B Timbalan Perdana Menteri dan dianggotai oleh Kementerian-Kementerian dan Agensi-Agenzi yang berkaitan berfungsi untuk mengenalpasti mekanisma bagi mengatasi masalah gangguan bekalan dan isu kenaikan harga barang keperluan. Antara inisiatif yang dibuat oleh jawatankuasa ini adalah memastikan keamanan sozial rakyat, antaranya melalui pelaksanaan Jaringan Keselamatan Sosial yang diamalkan di * negara-negara lain terutamanya mengenai program '*food stamp*', cadangan perluasan kawasan tanaman padi sebagai salah satu « usaha Kerajaan dalam memastikan keselamatan bekalan makanan (*food security*) untuk rakyat dan memastikan rantai pengedaran bahan makanan yang efisien dan mampu memberikan nilai terbaik kepada pengguna; dan
- (x) Mewujudkan program Kedai Rakyat 1 Malaysia dan Menu Rakyat 1 Malaysia sebagai salah satu inisiatif Kerajaan dalam membantu rakyat mendapatkan harga barang dan makanan dengan harga yang berpatutan bagi mengurangkan beban rakyat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

NO. SOALAN: 44

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]

TARIKH: 25 Oktober 2011 (Selasa)

Error! Not a valid link.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Perdana Menteri mempunyai keyakinan bahawa pendekatan berasaskan meritokrasi mampu melahirkan usahawan Bumiputera yang berjaya serta berdaya saing, berdaya tahan dan resilien di pasaran tempatan dan juga antarabangsa. Ini merupakan kaedah yang lebih efektif dan pro-aktif berdasarkan pengalaman dahulu dan memandangkan cabaran-cabaran daripada senario perniagaan semasa yang sedang melalui arus globalisasi dan liberalisasi.

Usaha-usaha Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) bagi menyelaras transformasi dan memperkuatkan penyertaan Bumiputera dalam bidang ekonomi adalah bagi merapatkan jurang ekonomi antara Bumiputera dengan kaum lain.

Pendekatan yang digunakan oleh TERAJU dalam kesemua program dan inisiatifnya adalah berlandaskan pembangunan inklusif seperti yang tertera dalam Rancangan Malaysia ke-10, serta empat prinsip utama Model Baru Ekonomi iaitu mesra pasaran, berdasarkan keperluan dan merit, serta

ketelusan. Di samping itu, penekanan turut diberikan kepada program-program yang bersifat pro-pertumbuhan (*pro-growth*) dengan izin dan dapat membina daya saing yang mampan (*sustainable competitiveness*) dengan izin.

Antara program yang dilaksanakan oleh TERAJU adalah, **Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB)**, di mana skim ini memberi bantuan **Last-mile** dengan izin kepada syarikat Bumiputera untuk meningkatkan kelayakan syarikat tersebut bagi mempercepatkan penyenaraian ke Bursa Malaysia. Inisiatif ini juga adalah bertujuan untuk menjadi platform bagi menarik lebih banyak syarikat-syarikat Bumiputera supaya disenaraikan ke Bursa Malaysia. Setakat ini, sebanyak 6 syarikat telah berjaya disenaraikan ke Bursa Malaysia.

Selain dari itu, **Program TeraS** telah dilancarkan pada 20 Julai 2011, program ini adalah untuk membangun syarikat-syarikat Bumiputera berprestasi tinggi dalam 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan juga beberapa bidang di luar NKEA yang penting. Program ini juga bertujuan untuk meningkatkan kapasiti dan kebolehan enterpris-enterpris Bumiputera serta meningkatkan daya saing di pasaran terbuka tanpa kebergantungan kepada bantuan Kerajaan.

Pengwujudan **Dana Mudah Cara (Facilitation Fund)** dengan izin yang telah diumumkan pada 26 Ogos 2011, berjumlah RM2 bilion hasil kerjasama TERAJU dan Unit Kerjasama Awam-swasta (UKAS) adalah bagi kegunaan Projek Permulaan (EPP) syarikat Bumiputera. Dana ini berperanan sebagai **tipping point** dengan izin bagi pembiayaan infrastruktur projek-projek EPP serta projek-projek lain yang dicadangkan oleh usahawan-usahawan

Bumiputera. Bagi tahun 2012 pula, Kerajaan memperuntukkan RM2.5 bilion di bawah dana ini dan dijangka RM300 juta akan digunakan oleh usahawan Bumiputera.

Di samping itu, TERAJU juga sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi lain, pihak NGO-NGO, persatuan dan pertubuhan bagi memastikan usaha yang dijalankan adalah bersepadu demi memastikan kejayaan agenda pembangunan Bumiputera.